

PM gesa negara anggota ASEAN perkukuh kesepaduan serantau

Perpecahan akan halang visi kolektif wujudkan rantau aman, makmur

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa negara anggota ASEAN untuk memperkukuh kesepaduan dan kepusatan rantau ini dalam mendampingi persaingan geopolitik dan cabaran global yang semakin kompleks.

Perdana Menteri, berkata perpecahan dalam kalangan negara ASEAN hanya akan menghalang visi kolektif untuk sebuah rantau yang aman dan makmur, justeru sebarang retorik yang menghalang perpaduan harus diketepikan.

"ASEAN sudah melalui pelbagai cabaran, bertahan dan berkembang, namun pengajaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini menguatkan lagi apa yang difahami oleh bapa pengasas kita dahulu, iaitu perpaduan, kesepaduan dan kepusatan kita bukanlah sesuatu yang boleh dianggap dasar yang terjamin.

"Ia melalui turun naik sepanjang hampir enam dekad kewujudan kita.

"Justeru, usaha ke arah memperkukuh perpaduan mesti dite-

ruskan, terutama apabila rantau ini sedang berdepan pelbagai cabaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Syarahan Presiden dan Penerimaan Anugerah Grand Collar of the Order of Timor Leste, bertajuk ASEAN dan Peranan Peranan Timor-Leste' di Dili, Timor-Leste, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Timor-Leste, Dr Jose Ramos-Horta dan Perdana Menteriinya, Kay Rala Xanana Gusmao.

Anwar dalam lawatan kerja selama dua hari ke negara itu berakhir semalam.

Tekad kuat tangani cabaran

Perdana Menteri berkata, peningkatan jenayah rentas sempadan, persaingan kuasa besar yang memecah-belah, ketidakstabilan ekonomi dan pilih kasih dalam pelaksanaan undang-undang serta norma antarabangsa adalah cabaran besar yang memerlukan tekad yang kuat untuk ditangani.

Bagaimanapun katanya, apa yang lebih sukar dan berbahaya adalah kekejaman yang dilakukan terhadap golongan lemah dan tertindas, seperti pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Palestin.

"Rakyat Timor-Leste tidak perlu diberitahu atau diajar mengenai apa itu penindasan, dipenjara, dianiaya atau melalui keganasan serta pertumpahan darah, kerana anda sendiri sudah melalui dan menanggung segala kekacauan dan kekejaman itu.



Anwar bergambar bersama Ramos-Horta (dua dan kiri) dan Xanana Gusmao (kanan) pada program Syarahan Presiden dan Penerimaan Anugerah Grand Collar of the Order of Timor Leste., semalam.

(Foto BERNAMA)

"Bagaimanapun, anda juga bangkit dengan lebih kuat, tahan uji dan bertekad untuk tidak membenarkan kekejaman seperti itu berlaku ke atas diri anda atau mana-mana golongan yang mudah terjejas," katanya.

Perdana Menteri, berkata Timor-Leste dijangka menyertai ASEAN sebagai negara anggota ke-11 bulan depan, satu detik bersejarah yang lama disokong dan

diperjuangkan Malaysia.

"Apabila orang bertanya kepada saya, mengapa anda begitu tegas dalam memastikan Timor-Leste menjadi ahli penuh ASEAN secepat mungkin? Jawapan saya adalah mudah.

"Sama ada sesebuah negara itu baru merdeka atau agak miskin adalah tidak penting. Ia adalah sebahagian daripada rantau kita dan mempunyai pengalaman

yang besar dan akan menyumbang dengan begitu banyak kepada usaha kita untuk memperkukuh ikatan ASEAN.

"Presiden, anda, kerajaan dan negara anda sudah bertahan, seperti yang saya nyatakan, melalui proses untuk menjadi ahli penuh ASEAN dan kini kita berada di ambang penyesuaian yang wajar dan benar-benar layak diterima," katanya.